



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PENJELASAN PERKHIDMATAN URUS NIAGA PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) YANG DITAWARKAN OLEH BJAK SDN. BHD.”

Putrajaya, 6 Mei 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia memandang serius terhadap kandungan iklan yang telah dikeluarkan oleh pihak BJAK Sdn. Bhd. (BJAK) melalui laman sesawang bjak.my dan media sosial BJAK berhubung perkhidmatan urus niaga pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan secara dalam talian yang ditawarkan kepada orang awam termasuklah program pemberian cukai jalan secara percuma.

Jabatan ini ingin memaklumkan dan menegaskan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) mahupun Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak pernah memberikan kelulusan kepada pihak BJAK untuk menjalankan perkhidmatan urus niaga pembaharuan cukai jalan.

Pihak JPJ juga ingin memaklumkan bahawa terdapat kenyataan yang telah dipaparkan oleh pihak BJAK melalui laman sesawang mereka iaitu *“Pembaharuan roadtax secara dalam talian di BJAK telah diaudit, disah dan diluluskan oleh JPJ”* adalah tidak benar dan mengelirukan orang awam.

Jabatan ini juga telah menerima beberapa aduan daripada orang awam antaranya pembaharuan cukai jalan telah dilaksanakan melalui laman sesawang BJAK, namun tempoh sah laku cukai jalan tidak dikemas kini. Jabatan ini ingin menjelaskan dan menegaskan bahawa tiada integrasi sistem di antara Sistem JPJ (MySIKAP) dengan sistem yang digunakan oleh pihak BJAK.

Dalam masa yang sama, Jabatan ini juga telah menerima aduan ketidakpuasan hati orang awam yang mana perlu membayar caj tambahan ketika memperbaharui cukai jalan yang dikenakan oleh BJAK. Jabatan ini ingin menegaskan bahawa pihak MOT atau JPJ tidak pernah meluluskan sebarang pengenaan caj tambahan yang pada masa ini dikenakan oleh BJAK kepada pelanggan mereka.

JPJ ingin menggalakkan urus niaga memperbaharui cukai jalan adalah melalui kaunter JPJ, kiosk JPJ, kaunter bergerak JPJ Mobile, Aplikasi MyJPJ, portal awam JPJ dan platform rakan niaga JPJ (Pos Malaysia, MyEG dan PUSPAKOM) sahaja. Jabatan ini sekali lagi ingin menegaskan bahawa pengoperasian yang dilakukan oleh pihak BJAK berkaitan urus niaga pembaharuan cukai jalan adalah tanpa kebenaran dengan pihak JPJ.

Justeru, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dengan mana-mana platform yang menawarkan perkhidmatan memperbaharui cukai jalan yang tidak sah bagi mengelakkan sebarang penipuan dan kerugian, sebaliknya orang ramai dinasihatkan supaya merujuk atau menghubungi pihak JPJ terlebih dahulu untuk maklumat lanjut.

Jabatan ini sentiasa berusaha dan komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang awam terutamanya para pelanggan JPJ sentiasa terpelihara. Sebarang aduan rasmi boleh disalurkan kepada pihak JPJ menerusi Portal Aduan Rasmi JPJ - <https://jpi.spab.gov.my/> .

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
6 MEI 2024**

[TAMAT]